

# Tokoh sarjana Islam Eropah temui Mahathir esok

KUALA LUMPUR 29 Julai — Tokoh sarjana Islam dari Eropah, Shaykh Abdalqadir as-Sufi akan bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Selasa ini, untuk membincangkan penggunaan dinar Islam.

Beliau pengasas Pergerakan Murabitun Sedunia iaitu satu-satunya badan mewakili masyarakat Islam di Eropah yang telah bergerak dan berdakwah selama lebih 30 tahun.

Shaykh Abdalqadir yang tiba di sini hari ini diiringi oleh ketua pergerakan tersebut, Rais Umar Ibrahim Vaddillo, menurut kenyataan akhbar Pergerakan Murabitun Sedunia di Malaysia.

Rais Umar Ibrahim ialah seorang pakar dalam dinar emas dan merupakan seorang daripada pengasas e-dinar Ltd. yang beribu pejabat di Labuan.

E-dinar yang disandarkan kepada emas, kini digunakan di seluruh dunia sebagai satu kaedah pembayaran untuk e-perniagaan terutama-

nya yang melibatkan jual beli yang dilakukan melalui Internet.

Menurut kenyataan itu di sini hari ini, sempena lawatannya ke negara ini Shaykh Abdalqadir dijadualkan menyampaikan syarahan umum di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada 7 Ogos ini.

Ini adalah lawatan kedua beliau ke negara ini. Pada

tahun 1990, Shaykh Abdalqadir pernah menyampaikan syarahan umum bertajuk *The Collaborative Couple* (Pasangan yang saling bekerjasama) yang dianjurkan oleh Persatuan Wanita Universiti Malaya.

Pada Ogos tahun yang sama, beliau turut dijemput menyampaikan ucapan kepada Persidangan Sains Statistik Negara-Negara Islam anjuran Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Beliau, bagaimanapun, tidak dapat hadir dan ucapturnya bertajuk *Statistical Procedures and Human Values* (Tatacara statistik dan nilai insan) telah dibacakan oleh wakilnya di sini.

Shaykh Abdalqadir adalah juga penaung bersama Persidangan Antarabangsa Politik Ekonomi Islam Ke-4 bertemakan Perkongsian Muslim Asia-Eropah anjuran ISNET-USM dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada November 2000 di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur.